

Cinta Terhadap Biologi Membawaku Dari Kuala Terengganu Ke Oxford

written by Hazrul | 19/02/2024

Siapa tahu, gadis kecil ini akan menceburi bidang biologi kelak?



Tiga puluh sembilan tahun yang lalu, saya dilahirkan di sebuah [bandar kecil](#) di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia.


Kampung halaman saya hanya mempunyai populasi yang kecil. Oleh itu, semua penduduk di sana kenal antara satu sama lain. Sehubungan itu, kanak-kanak merasa selamat untuk bermain di sekitar kawasan kejiranan saya kerana orang yang tidak dikenali yang memasuki kawasan itu akan segera dikenal pasti dan “penggera amaran” dalam kalangan jiran tetangga akan diaktifkan.

Saya merasa amat bertuah kerana telah membesar dalam keadaan yang aman damai dikelilingi dengan masyarakat majmuk dan telah mempunyai zaman kanak-kanak yang amat bahagia. Setiap hari selepas tamat waktu persekolahan, kanak-kanak di kawasan kejiranan saya akan berkumpul untuk meneroka kawasan berhampiran. Kami akan pergi ke kawasan longkang untuk menangkap ikan-ikan kecil atau berbasikal ke padang untuk menangkap haiwan dan serangga kecil seperti katak atau kumbang.

Selepas saya telah menangkap haiwan atau serangga kecil itu, saya akan “membedah” makhluk kecil i-ni untuk memeriksa struktur dalaman mereka. Saya suka mencari dan mengenal pasti yang mana usus, jantung dan otak makhluk tersebut. Selepas itu, saya dengan senang hati akan membawa balik hasil spesimen saya ke rumah. Tanpa disedari, “genetik biologi” telah tertanam dalam diri saya ketika itu. Di sekolah, saya lebih cenderung meminati

subjek biologi berbanding dengan subjek lain.

Selepas tamat STPM, saya telah ditawarkan program Bioteknologi di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu, Sabah. Itu ialah kali pertama saya mengembara keluar dari kampung saya. Dengan itu, saya telah merantau sejauh kira-kira 1,500 km ke Sabah. Saya masih ingat lagi masa itu, saya menangis teresak-esak kerana terpaksa meninggalkan kampung syurga saya.



Pada waktu itu, [AirAsia](#) dengan slogannya "Now Everyone Can Fly" masih belum lagi tersedia; yang ada cuma syarikat penerbangan lain yang mahal sahaja. Oleh sebab itu, walaupun saya sangat merindui kampung halaman, saya terpaksa tinggal di kampus UMS semasa cuti semester pendek bersama-sama dengan pelajar lain yang berasal dari Semenanjung Malaysia. Pada masa itulah kami telah membentuk pasukan untuk menerokai [Taman Negara Kinabalu](#), menakluk Gunung Kinabalu dan menerokai [Gua Niah](#) di Miri, Sarawak. Daripada aktiviti-aktiviti tersebut, kami semakin menyayangi dan menghargai alam semula jadi dan biologi. Tambahan pula, pengalaman di UMS membentuk saya menjadi seorang yang berdikari dan suka meneroka persekitaran baru.

Selepas tamat pengajian UMS pada 2007, saya telah ditawarkan program Kedoktoran (PhD)

dalam bidang [Biologi Sel Stem](#) di [University of Oxford](#) di United Kingdom. Kali ini, saya tidak teragak-agak untuk menyahut cabaran ini. Saya telah terbang sejauh 10,450 km ke rantau orang lain dengan senyuman penuh keyakinan terukir di wajah saya demi mengejar impian saya.



Menuntut di Oxford University mungkin merupakan perkara terbaik yang telah berlaku dalam hidup saya setakat ini. Di Oxford University, sebuah institusi bersejarah yang telah dihadiri ahli akademik terkemuka, saya merasa dunia ini terbentang luas dengan pelbagai pengalaman baru untuk diterokai. Ibarat peribahasa Melayu "[diberi berpadang luas](#)".

Di Oxford University, saya telah berpeluang untuk menjalankan penyelidikan biologi sel stem dengan idea sendiri dan terus mencuba pendekatan yang berbeza sehingga saya menemui penyelesaian yang paling sesuai untuk penyelidikan saya. Melalui pengalaman yang tidak dapat saya lupakan ini, saya sebenarnya telah mengalami transformasi daripada seorang pelajar sains kepada seorang penyelidik sains.

Keberanian saya untuk melangkah keluar dari zon selesa telah membentuk diri menjadi seorang saintis yang berdikari. Kini, walaupun saya bukan lagi gadis yang takut untuk meninggalkan kampung halamannya, tetapi saya masih gadis yang mencintai biologi dan alam sekitar.

Disediakan oleh:

Dr Tan Suat Cheng

Universiti Sains Malaysia

Artikel ini disediakan di bawah siri Inspirasi Saintis Muda Wanita, sebuah kolaborasi antara e-estidotmy dengan Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM).